



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**



**GARIS PANDUAN PENGURUSAN INSENTIF BAGI PROJEK  
PENYELIDIKAN , PRODUK INOVASI, PENGKOMERSIALAN  
DAN HARTA INTELEK**

**VERSI 1.0**

**BERKUATKUASA PADA JANUARI 2015**

**UNIT PENYELIDIKAN , INOVASI & KOMERSIALAN  
POLITEKNIK KUCHING SARAWAK**

## PENGHARGAAN

Garis Panduan Pelaksanaan Pengurusan Insentif Bagi Projek Penyelidikan, Produk Inovasi, Pengkomersialan dan Harta Intelekt POLIKU adalah berdasarkan kepada Garis Panduan Pengurusan Insentif Bagi Projek Penyelidikan Dan Pembangunan Merangkumi Kertas Penyelidikan, Produk Inovasi, Pertandingan Produk Inovasi Dan Pengkomersialan Dan Pemberian Saguhati Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah versi Januari 2015, *Buku Panduan Perancangan Dan Pengurusan Inovasi, Harta Intelekt (Ip) Dan Pengkomersialan Politeknik Malaysia, versi Oktober 2014*, turut dijadikan panduan bagi melengkapkan polisi insentif ini.

## Kandungan

1.0	Pengenalan .....	1
2.0	Latarbelakang .....	1
3.0	Peranan Jawatankuasa UPIK .....	2
3.1	Jawatankuasa Inovasi .....	2
3.1.1	Skop .....	3
3.2	Jawatankuasa Harta Intelekt .....	5
3.3	Jawatankuasa Pengkomersilan .....	6
3.4	Jawatankuasa Penyelidikan dan Geran .....	6
3.4.1	Skop .....	6
3.4.2	Peranan Ketua Projek .....	9
3.4.3	Peranan Penyelidik .....	9
4.0	Panduan Pengurusan Insentif .....	10
4.1	Insentif Tambahan .....	11

## **1.0 PENGENALAN**

Garis panduan ini bertujuan memberi panduan kepada semua warga POLIKU mengenai pelaksanaan pengurusan insentif yang diperolehi atau diberikan yang berkaitan dengan projek penyelidikan dan pembangunan, ini termasuklah kerja-kerja penyelidikan dan pembangunan projek inovasi. Tujuan utama garis panduan ini ialah untuk :

1. Memberi galakan kepada warga POLIKU untuk menceburkan diri secara aktif dalam projek penyelidikan dan inovasi.
2. Memperkasa dan membudayakan penyelidikan yang kreatif dan berinovasi.
3. Mempergiat dan memperkukuhkan jalinan kerjasama dan kolaborasi di antara politeknik dan industri serta masyarakat dalam proses pengkomersilan produk inovasi.

## **2.0 LATARBELAKANG**

Objektif UPIK POLIKU :

1. Memastikan hala tuju proses penyelidikan, inovasi dan komersilan tercapai.
2. Menyelaras penyertaan POLIKU dalam aktiviti-aktiviti penyelidikan, inovasi dan komersilan.
3. Menyebar luas maklumat penyelidikan, inovasi dan komersilan.

4. Menyediakan ruang dan peluang disamping berkongsi idea, kepakaran dan ilmu dalam penulisan, penerbitan dan permohonan geran.
5. Menjalankan kursus berkaitan penyelidikan, inovasi dan komersilan.

Organisasi UPIK POLIKU terdiri daripada LIMA jawatankuasa utama, iaitu :

- i. Jawatankuasa Inovasi
- ii. Jawatankuasa Pengurusan Harta Intelek
- iii. Jawatankuasa Pengkomersilan
- iv. Jawatankuasa Penyelidikan dan Geran
- v. Jawatankuasa Penyelarasan Bank Data (MyMohes)

### **3.0 PERANAN JAWATANKUASA UPIK**

Semua jawatankuasa yang dibentuk didalam UPIK mempunyai tanggungjawab yang telah ditetapkan mengikut bidang tugas masing-masing.

#### **3.1 Jawatankuasa Inovasi**

Pengurusan produk inovasi, penyertaan pameran dan pengurusan pengkomersialan produk inovasi bagi POLIKU dijalankan secara berasingan, tanpa kawalan sepusat dari pihak Unit Inovasi Pusat Penyelidikan dan Inovasi Politeknik (PPIP), Jabatan Pengajian

Politeknik. Namun begitu semua aktiviti yang dijalankan adalah berlandaskan kepada *Buku Panduan Perancangan Dan Pengurusan Inovasi, Harta Intelek (IP) Dan Pengkomersialan Politeknik Malaysia* terbitan Pusat Penyelidikan dan Inovasi Politeknik (PPIP), Jabatan Pengajian Politeknik pada tahun 2014. Pihak POLIKU perlu menghantar perancangan dan pengurusan inovasi kepada PPIP, yang bertindak sebagai penyelarasan utama bagi pihak semua politeknik. Laporan pelaksanaan pula hendaklah dihantar secara berkala setiap suku tahun.

### **3.1.1 Skop**

Skop pelaksanaan perancangan dan pengurusan inovasi POLIKU adalah seperti berikut :

- a) Pengurusan Inovasi Politeknik
- b) Penyertaan Pameran dan Pertandingan

### **Skop 1 : Pengurusan Inovasi Politeknik**

KUPIK POLIKU bersama dengan jawatankuasa Unit Inovasi berperanan untuk :

- i. Menggalakkan penjanaan idea inovasi dalam kalangan staf/pelajar politeknik dan membantu dari segi pengurusan inovasi politeknik.
- ii. Menyelaraskan pelaksanaan pertandingan projek akhir pelajar di politeknik.

- iii. Mengenalpasti dan melantik panel penilai untuk menilai inovasi pelajar semasa pertandingan akhir projek pelajar. Panel boleh terdiri daripada staf politeknik dan luar iaitu wakil institusi pengajian tinggi atau industri.
- iv. Memastikan inovasi yang disenarai pendek dibuat perlindungan harta intelek terlebih dahulu sebelum diketengahkan untuk pameran dan pertandingan di peringkat yang lebih tinggi (rujuk panduan perancangan dan pengurusan IP).

## **Skop 2 : Penyertaan Pameran Dan Pertandingan**

KUPIK POLIKU bersama dengan jawatan kuasa Unit Inovasi berperanan untuk :

- i. Menggalakkan penyertaan politeknik dalam pameran/pertandingan inovasi.
- ii. Memastikan inovasi tersebut telah diiktiraf di peringkat politeknik dan kebangsaan untuk layak ke peringkat antarabangsa.
- iii. Memastikan penyertaan dan pertandingan peringkat antarabangsa diuruskan menerusi pejabat PPIP.

### 3.2 Jawatankuasa Harta Intelekt

Pengurusan harta intelek POLIKU dilaksanakan secara berasingan dan perlu menghantar laporan pelaksanaan kepada pihak PPIP secara berkala pada setiap sukuan tahun. KUPIK dan jawatankuasa Harta Intelekt POLIKU berperanan untuk :

- i. Mengenalpasti keperluan dan membuat perancangan pemilikan IP Politeknik (merujuk kepada bilangan dan kategori IP) termasuk anggaran belanjawan pemilikan IP.
- ii. Melaksanakan kerja-kerja penyelarasan perancangan pemilikan IP dengan menjalankan pemantauan dan susulan berhubung perancangan pemilikan IP secara sistematik.
- iii. Mengurus proses saringan rekacipta, pendaftaran dan pengurusan data IP Politeknik.
- iv. Memastikan pendaftaran IP Politeknik dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan iaitu proses pendaftaran IP yang telah digariskan oleh Perbadanan Harta Intelekt Malaysia (MyIPO).
- v. Menghantar laporan berkala pendaftaran IP politeknik kepada PPIP secara sukuan tahun.
- vi. Menyenaraikan bentuk khidmat nasihat/ latihan IP yang diperlukan oleh politeknik masing-masing (contohnya khidmat nasihat dalam pemilihan ejen IP, Bengkel Kepentingan IP, Bengkel Kesedaran IP, Bengkel Penulisan Teknikal IP dan lain-lain).



### **3.3 Jawatankuasa Pengkomersialan**

Pengurusan pengkomersialan POLIKU dilaksanakan secara berasingan dan perlu menghantar laporan pelaksanaan kepada pihak PPIP secara berkala pada setiap sukuan tahun. KUPIK dan jawatankuasa Komersialan POLIKU berperanan untuk :

- i. Memastikan perancangan pengkomersialan dilaksanakan dengan sistematik.
- ii. Mengenalpasti bentuk khidmat nasihat/ latihan pengkomersialan yang diperlukan oleh POLIKU seperti khidmat nasihat dalam memulakan pengkomersialan, perundingan pengkomersialan, "pitching", pengurusan dokumentasi dan lain-lain, bersama dengan unit keusahawanan.
- iii. Membuat perancangan bagi khidmat nasihat/ latihan pengkomersialan bersama dengan unit keusahawanan.
- iv. Melaksanakan bengkel/kursus yang diperlukan.

### **3.4 Jawatankuasa Penyelidikan dan Geran**

#### **3.4.1 Skop**

Skop pelaksanaan Penyelidikan dan Geran POLIKU adalah seperti berikut :

- a) Pengurusan Penyelidikan
- b) Pengurusan Geran

## **Skop 1 : Pengurusan Penyelidikan**

Jawatankuasa ini memfokuskan kepada usaha untuk meningkatkan penglibatan staf dalam penghasilan kertas penyelidikan yang berkualiti, pembentangan dan penerbitan.

KUPIK bersama dengan jawatankuasa penyelidikan dan penerbitan berperanan untuk :

- i. Menyelaras aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembentangan kertas penyelidikan di peringkat POLIKU.
- ii. Mengurus dan mengendalikan seminar, kolokium staf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- iii. Menggalakkan dan memantau pembentangan kertas kajian di seminar / bengkel / persidangan di peringkat politeknik / zon / kebangsaan / antarabangsa.
- iv. Menyelaras keperluan sumber dan bajet bagi menjalankan aktiviti penyelidikan peringkat POLIKU.
- v. Memantau KPI kertas penyelidikan di peringkat POLIKU.
- vi. Membantu mengendalikan urusan penerbitan kertas kajian staf POLIKU.

## **Skop 2 : Pengurusan Geran**

Jawatankuasa ini akan memfokuskan kepada pengurusan geran, merangkumi proses menyebarkan tawaran, proses permohonan dan pemantauan penggunaan geran.

KUPIK bersama dengan jawatankuasa geran berperanan untuk :

- i. Memaklumkan kepada staf tarikh buka dan tutup permohonan geran yang berkaitan. Antara geran yang berkaitan ialah :
  - a) Public-Private Research Network (PPRN) adalah inisiatif baru oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) Malaysia dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) sebagai salah satu strategi untuk meningkatkan produktiviti dan mengukuhkan pembangunan ekonomi Malaysia melalui inovasi dan pengkomersilan. PPRN adalah model kerjasama strategik di antara institusi pengajian tinggi, industri dan agensi kerajaan bagi menggalakkan permintaan yang didorong oleh program inovasi untuk pembangunan produktiviti dan inovasi.
  - b) ScienceFund
  - c) Dana Pra Pengkomersilan
  - d) TechnoFund/Inno Fund
  - e) Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS)
- ii. Membantu warga POLIKU untuk melalui proses tatacara permohonan geran yang betul.
- iii. Membantu memantau semua projek yang diluluskan di bawah Skim Geran Penyelidikan perlu dipantau dari aspek:-
  - a) Prestasi projek;
  - b) Prestasi kewangan.

### 3.4.2 Peranan Ketua Projek

Ketua Projek bertanggungjawab:

- i. Membuat permohonan.
- ii. Menjalankan penyelidikan sebagaimana permohonan yang telah diluluskan.
- iii. Menghantar laporan kewangan, prestasi projek dan laporan akhir seperti yang dikehendaki dalam garis panduan yang telah ditetapkan.
- iv. Mengurus projek dan penyelidik.

### 3.4.3 Peranan Penyelidik

Penyelidik bertanggungjawab:

- i. Menjalankan penyelidikan sebagaimana permohonan yang telah diluluskan.
- ii. Memantau kemajuan penyelidikan selaras dengan garis panduan yang diberikan.

#### 4.0 PANDUAN PENGURUSAN INSENTIF

Sebarang hasil kewangan yang diperoleh daripada produk inovasi, pertandingan inovasi dan pengkomersialan / eksploitasi inovasi / IP politeknik hendaklah dibahagikan di antara politeknik dengan pereka cipta setelah mengambil kira potongan ke atas semua perbelanjaan yang munasabah.

POLIKU boleh mengagihkan pendapatan bersih tersebut berdasarkan surat perjanjian yang telah dimeterai di antara politeknik, pereka cipta dan pihak yang berkenaan (pembeli/ syarikat usahasama/ pemegang lesen).

Contoh Model Perkongsian Keuntungan adalah seperti Jadual 1 di bawah :

No.	Jumlah	Pereka Cipta	Politeknik
1	RM 250,000.00 pertama	80%	20%
2	RM 250,001.00 – RM 1,000,000.00	70%	30%
3	RM 1,000,001.00 – RM 2,000,000.00	60%	40%
4	RM 2,000,001.00 ke atas	50%	. 50%

**Jadual 1: Model Perkongsian Keuntungan**

*(Rujukan: Buku Panduan Perancangan Dan Pengurusan Inovasi, Harta Intelekt (IP) Dan Pengkomersialan Politeknik Malaysia terbitan Pusat Penyelidikan dan Inovasi Politeknik (PPIP), Jabatan Pengajian Politeknik, 2014)*

Sekiranya terdapat dua atau lebih pereka cipta menghasilkan inovasi/IP, pengagihan pendapatan pereka cipta adalah mengikut perjanjian bertulis yang telah dibuat di antara mereka. Jika tiada sebarang perjanjian bertulis, setiap pereka cipta berhak untuk mendapat bahagian pendapatan bersih yang sama. Jika terdapat perubahan dalam keahlian pasukan pereka cipta, terma perjanjian perlu dirunding semula dalam kalangan pasukan lama dan baharu. Terma baharu hendaklah didokumenkan.

Jadual 2 di bawah menunjukkan panduan agihan insentif di POLIKU:

Bil	Item	Perekacipta	POLIKU
1	Produk Inovasi	100%	0%
2	Pertandingan Inovasi	100%	0%
3	Komersialan	100%	0%

**Jadual 2 : Panduan Agihan Insentif POLIKU**

Sekiranya tidak melibatkan peruntukkan kewangan Politeknik, hasil pendapatan akan diberikan 100% kepada pereka cipta/penyelidik yang menggunakan modal sendiri.


Sekiranya penyelidikan/produk inovasi ditaja oleh mana-mana agensi, agihan hasil dapatan/geran akan merujuk kepada perjanjian yang telah dibuat antara penyelidik/pereka cipta (mewakili pihak politeknik) dengan agensi yang terbabit.

#### **4.1 Insentif Tambahan**

Bagi menggalakkan lagi penyertaan staf dan pelajar dalam inovasi dan penyelidikan, beberapa insentif turut diberikan kepada mereka yang terlibat, antaranya :


- a) Pembayaran yuran penyertaan bagi produk inovasi pelajar yang berpotensi dan mempunyai nilai yang tinggi untuk dikomersialkan.
- b) Anugerah tokoh penyelidik.
- c) Merupakan kriteria yang dinilai untuk kenaikan pangkat . (Rujuk kriteria kenaikan pangkat DH).
- d) Pembayaran penginapan dan perjalanan staf (bergantung kepada peruntukan yang ada).
- e) Peluang penyertaan dalam program peningkatan kemahiran R&D anjuran UPIK (bengkel penulisan/methodology/intellectual property)
- f) Pembayaran yuran persidangan pembentangan kertas penyelidikan. (bergantung kepada peruntukan yang ada).
- g) Sekira tiada peruntukan untuk yuran persidangan / pertandingan, penginapan dan perjalanan staf, kelulusan untuk perjalanan rasmi diberi. ✓

Disediakan oleh:



.....  
**Dr. Ong Tze Ching,**  
**Ketua Unit Penyelidikan,**  
**Inovasi dan Pengkomersilan,**  
**Politeknik Kuching Sarawak.**

Disahkan oleh :



.....  
**Hj. Sahul Hamed bin Hj. Abdul Wahab**  
**Pengarah,**  
**Politeknik Kuching Sarawak.**